

Kajian Kebolehlaksanaan Transformasi Sijil Fizikal kepada Sijil Elektronik Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)

Perunding: Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. (2022)

Abstrak

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang dipertanggungjawabkan bagi menggalakkan dan menyelaraskan strategi dan program latihan kemahiran sejajar dengan usaha untuk memperkasa bidang kemahiran negara. Sijil – sijil yang dikeluarkan oleh JPK merupakan dokumen keselamatan kerajaan yang bernilai kepada para pelatih yang telah menamatkan pengajian di pusat bertauliah di bawah seliaan JPK. Masalah utama penggunaan Sijil fizikal adalah dari segi kecekapan pengurusan sijil, kekangan masa, pemalsuan sijil, kos pengeluaran Sijil fizikal yang tinggi, kekurangan tenaga kerja, dan kesan terhadap alam sekitar. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji kebolehlaksanaan transformasi Sijil fizikal kepada Sijil elektronik Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Kajian ini menggunakan kaedah gabungan iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif serta menggabungkan sumber data primer dan data sekunder yang telah dikenalpasti. Berdasarkan dapatan hasil kajian, transformasi Sijil fizikal kepada Sijil elektronik bagi SPKM dicadangkan untuk dilaksanakan secara berfasa dan Sijil fizikal boleh dijadikan sebagai pilihan sekunder kepada pelatih di masa akan datang. Penggunaan teknologi rantai blok atau *blockchain* bagi pengeluaran Sijil elektronik wajar dijadikan sebagai pilihan alternatif oleh JPK kerana menjimatkan masa, mengurangkan kos, stabil dan selamat. Projek rintis menggunakan teknologi *blockchain* juga dilihat mampu dibangunkan secara kepakaran dalaman JPK dan boleh diintegrasikan bersama MySPIKE dan AppSPIKE. Pelaksanaan projek rintis ini juga dilihat mampu menjadikan JPK sebagai badan berpusat penyedia perkhidmatan pengurusan dan pengesahan sijil-sijil elektronik institusi pendidikan bukan sahaja institusi TVET bahkan keseluruhan institusi pendidikan di bawah seliaan kerajaan Malaysia. JPK perlu meneruskan usaha menambah baik sistem perkhidmatan menggunakan teknologi terkini bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat demi mengangkat martabat TVET di Malaysia dan menyokong langkah mengarusperdana latihan kemahiran negara di persada antarabangsa.